

# TAKHTA KERAJAAN

## *Negeri Sembilan*



oleh:

*Abdul Samad Idris*

# **TAKHTA KERAJAAN**

## **NEGRI SEMBILAN.**



**DI-KARANG, DI-SUSUN**  
**DAN**  
**DI-TERBITKAN**



**OLEH:**

**ABDUL SAMAD IDRIS,**  
**(HAK PENGARANG TERPELIHARA)**



## DAFTAR ISI-NYA.

	<b>Muka.</b>
1. Asal nama Seri Menanti	... 5.
2. Negeri Sembilan Sa-belom beraja	... 11.
3. Kematian Dato' Penghulu Naam	... 15.
4. Asal Orang Empat Istana	... 18.
5. Asal Nama Negeri Sembilan	... 25.
6. Ganti Raja Melewar	... 28.
7. Perang dengan Dato' Kelana dan Inggeris	... 32.
8. Inggeris mula menchekam	... 40
9. Perjanjian Yam Tuan Seri Menanti dengan Undang Yang Empat dan Inggeris	... 46.
10. Peratoran menabalkan Yang di-Pertuan, N. S.	... 55.
11. Riwayat Tuanku Muhammad Shah	... 65.
12. Kemangkatan Tuanku Muhammad	... 68.
13. Riwayat rengkas almarhum Tuanku A. Rahman	... 76.
14. Yang Maha Mulia Tuanku Menawir	... 81.
15. Pergadohan ketika melantek Tengku Imam Janggot	86.
16. Peratoran menabalkan yang di-Pertuan Besar, N. Sembilan.	... 90.
17. T. Durah T. Ampuan Negeri Sembilan.	... 101.
18. Istiadat Penghulu2 mengadap.	... 109.
19. Perjanjian di-Antara Yang di-Pertuan Besar Seri Menanti dengan Undang Yang Empat	... 119.
20. His Hinghness Tuanku Menawir	... 121.
21. Hak Raja dan pantang larang-nya	... 125.



Penyusun dan pengarang buku ini mengucapkan sa-tinggi2 tahniah dan daulat dergahayu ka-pada D.Y.M.M. Tuanku Munawir, D.M.N., S.P.M.B., dan Tuanku Ampuan Durah menaikki takhta singgahsana Kerajaan Negeri Sembilan.

Mudah-mudahan Tuhan lanjutkan usia zaman Baginda sehat walafiat memerentah dengan adil dan seksama yang akan memberikan kebahagiaan dan kemaamoran kepada raayat dan negara.

Achapan Pertabalan Duli D.M.M.

Yang di-Pertuan Besar Tuanku  
Munawir S. M. N., S. P. M. B.

dan

Tuanku Ampuan N. Sembilan

dari:



**GUTHRIE & COMPANY**  
**LIMITED,**



**SEREMBAN, N. S.**

## SEKAPOR SIREH.

Alhamdulillah-lah dengan inayah Tuhan yang maha kuasa, maka dapat-lah saya menyusun buku yang kecil ini untuk dipersembahkan kapangkuan saudara2 terutama dan istimewa kapada mereka yang menchintai sejarah tanah ayer-nya. Saya mengaku dengan sa-sungguh-nya ada-lah buku yang di-beri nama "Takhta Kerajaan Negeri Sembilan" ini ada-lah sa-buah buku yang sama sekali belum lengkap dan saya sendiri merasa belum puas hati di-atas-nya, baik isi-nya begitu jua susunan yang mengenai teknik dan jua penggal2 yang terkandung di-dalam-nya, insha-Allah sa-kira-nya buku ini mendapat sambutan dari penggemar-nya akan di-usahakan dengan sa-baik-nya2 bila perchetakan yang kedua kali-nya nanti.

Selain dari bertujuan hendak menuliskan chatetan2 sejarah yang selama ini bermain dari mulut ka-mulut orang tua2 sahaja, maka saya persembahkan buku ini kapada keturunan kita akan datang sekurang-nya sebagai bahan penyiasat bagi mereka untuk menyelami lagi sedalam-nya2 lubok sejarah kampong halaman dan tanah ayer-nya yang selama ini ada-lah di-tuliskan orang2 yang bukan-nya ra'rat negeri ini.

Buku ini telah saya karang dan susunkan sa-telah mendapat bahan2 dari beberapa segi, ia-itu dari perchakapan mulut ka-mulut orang tua2, keterangan2 yang di-beri dari mereka yang maseh ingat dan lagi dari buku chatatan istana yang maseh ada tersimpan dengan baik-nya. Apa yang menarek hati dari beberapa perkara yang saya anggap penting, ia-lah tulisan perjanjian2 yang di-buat dalam kurun yang ka-sembelan belas, ketika mana belum ada sa-buah sekolah pun terdiri dalam negeri ini, menilik dari jalan bahasa yang di-karang oleh orang tua2 zaman itu sa-sungguh-nya mengkagumkan kita jika di-bandingkan dan di-nilai dari pelajaran dan keadaan zaman-nya, akan tidak kena-lah pada tempat-nya dan bagi mereka yang tidak menghargai usaha sa-saorang sahaja-lah yang akan menganggap sepi akan kebijaksanaan orang tua2 dahulu dalam karang mengarang dan surat menyurat dalam bahasa-nya.

Tidak lupa saya menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada Y. T. M. Tengku Besar Burhanudin dan Y. B. Dato' Penghulu Dagang Adam bin Yusoff Orang Empat Istana yang telah memberikan beberapa bahan yang berguna untok saya menyusunkan buku ini, begitu juga kapada yang berkenaan di-Istana Besar Seri Menanti yang telah menolong saya memberikan beberapa kemudahan untok mendapatkan beberapa bahan yang mustahak. Kapada sidang pembacha yang mulia, saya mendahului menghulorkan tangan meminta maaf di-atas beberapa kesilapan yang akan tuan2 temui dalam masa membacha nanti, anggap-lah kesalahan2 yang di-temui itu sebagai satu kesilapan yang tidak di-sengajakan dan berlaku sechara kebetulan jua.

Seri Menanti,  
Negeri Sembilan,  
1 hb. April, 1961.

Salam hormat dan taazim dari saya.  
Abdul Samad Idris.





Duli Y.M.M. Tuanku Munawir S.M.N., S.P.M.B.  
*Gambar 1959.*



## ISTIADAT PENGHULU2 MENGADAP.

Istiadat Dato'2 Penghulu mengadap ini telah mula di-jalankan pada tahun 1898 ia-itu ketika Yamtuan Muhammad di-tabalkan menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan oleh Undang Yang Empat, sebelum itu telah juga di-adakan mengadap tetapi tidak-lah di-lakukan sechara istiadat saperti yang ada sekarang ini, sa-telah perjanjian di-antara Undang dengan Yamtuan pada tahun 1898 itu di-buat, maka Undang Yang Empat ini tidak-lah lagi mengadap ka-Seri Menanti saperti yang di-lakukan oleh Undang2 yang terdahulu.

Dato'2 yang mengadap itu ha-nya terbatas kapada Dato'2 Penghulu Luak Tanah Mengandong dan juga Penghulu2 Luak Gemnechek, Ayer Kuning dan Dato' Muda Linggi sahaja, istiadat ini di-lakukan tiap2 tiga tahun sekali dan biasa-nya di-adakan pada tiap2 lepas Hari Raya Haji. Peraturan dan chara2 mengadap dan lain2 istiadat-nya ada-lah sama sahaja dengan peraturan dan istiadat yang di-jalankan tatkala Undang Yang Empat menabalkan semula Yamtuan Muhammad menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1898 saperti disebutkan kesah-nya terdahulu.

Di-bawah ini saya peturunkan salah satu peraturan yang telah di-buat tatkala istiadat Penghulu mengadap ini di-jalankan pada 2 haribulan August 1923 bersamaan dengan hari Khamis 19 Zulhijjah 1341, istiadat ini telah di-jalan selama tiga hari:

### **Pendahuluan:**

Bahwa sa-nya ada-lah peraturan istiadat Penghulu2 mengadap menjunjong duli Yang Mulia Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan di-Istana Besar Seri Menanti pada dua tahun ketiga itu telah sampai-lah had ketika-nya pada hijrah 1341 berbetulan dengan tahun masehi 1923 ini.

Maka di-dalam aturan yang ladzim dan biasa "ada-lah hari Penghulu2 mengadap itu ia-lah pada 20 haribulan Dzulhijjah".

Maka pada angkatan dan pekerjaan yang kali ini, hari yang di-biasakan itu jatuh kapada hari Jumaat (hari yang di-besarkan oleh kaum Islam) oleh itu dengan titah duli Yang Maha Mulia di-ubah kapada hari Sabtu 21 haribulan Dzulhijjah Sunnah 1341.

### **Aturan pekerjaan.**

Maka ada-lah kapada hari Ahad pukul 10.30 pagi 10 haribulan June 1928 telah di-adakan "mashuarat kerabat" di-Balai Penghadapan kerana merundingkan perkara yang akan di-perbuat di-dalam alat kerja bagi ulangan Penghulu2 mengadap, maka di-dalam majlis itu telah hadir:


1. Duli Y. M. M. Tuanku Yang di-Pertuan Besar, Yang di-Pertua.
2. Yang A. Mulia T. Besar Burhanudin, chief committee.
3. Yang A. M. T. Laksamana Abu Bakar, chief committee.
4. Y. A. M. T. Penglima Besar, Abdul Kahar chief committee.
5. Y. A. M. T. Alang Mahmud chief committee.
6. Yang Berhormat Mulia T. Zakaria, Setia Usaha.
7. Yang Berhormat Dato' Setia Maharaja Lela Pahawan
8. Yang Berhormat Dato' Lela Putera Sitiawan A. Wahab, Jempol.
9. Yang Berhormat Dato' Sitiawan Basir, Gunong Pasir.
10. Dato' Seri Amar Maharaja Sujud Orang Empat Istana.
11. Dato' Raja Dewangsa Yahya Orang Empat Istana.
12. Dato' Penghulu Dagang Lati Orang Empat Istana.
13. Dato' Akhir Zaman Bakat Orang Empat Istana.
14. Dato' Penglima Garang Idris Orang Besar Lingkungan.
15. Che' Muhammad Said, jurutulis dan kerani mashuarat.

Kemudian daripada mengambil persetujuan daripada beberapa perkara yang akan di-perbuat kelak, telah di-angkat jawatan kuasa bagi tiap2 satu2 perkara saperit yang tersebut di-bawah ini:—

### **Jabatan (pegangan):**

1. Hakim, Yang Amat Mulia Tengku Besar Burhanudin.

## ISTANA LAMA.



Istana Lama ini telah siap di-bena pada tahun 1905 dan telah mengambil masa sa-lama lebih dua tahun untuk menyiapkan-nya. Almarhum Yamtuan Muhammad yang telah membena istana ini berkehendakkan ia merupakan sa-buah istana yang penuh mengandungi bentok kesenian rumah2 adat di-Minangkabau yang menunjukkan pertalian Negeri Sembilan dengan alam Minang.

Tidak ada sa-batang paku pun di-gunakan dalam membena istana ini dan semua sekali alat2 yang membawa tegak-nya istana yang indah ini ada-lah menggunakan kayu, sejak dari tiang hingga-lah ka-pada atap-nya terbuat dari kayu belaka.

Empat batang tiang tengah-nya ada-lah di-buat dari kayu penak dan tidak bersambung, panjang-nya 170 kaki, penak ini telah di-ambil khas dari hutan Pergai, Jelebu dan telah di-bawa dengan sa-buah kereta lembu khas yang di-tarek oleh lapan ekor lembu pada tiap2 sa-batang. Jumlah semua sekali tiang-nya ia-lah sembilan puluh sembilan batang sabagai mengambil sempena dari sembilan puluh sembilan orang juak2 hulubalang istana, tiap2 sa-orang dari juak2 ini dahulu ada-lah memegang sabatang tiang sa-orang ketika hendak menegakkan-nya, pelan bangunan ini telah di-chiptakan oleh sa-orang tukang Melayu yang mashhor ketika itu bernama tukang Kahar, kerana mengenang jasa-nya ini Almarhum Tuanku Muhammad telah mengurniakan gelaran Dato' Penglima Sutan ka-pada-nya.

Tukang2 Melayu dan tukang2 China telah bersama2 membena Istana Lama yang menjadi kenangan untuk sejarah ini.



**Dulang berkaki yang di-gunakan dalam semua istiadat  
di-Raja Negeri Sembilan.**

2. Tumpuan raya, Yang Amat Mulia T. Laksamana Abu Bakar.
3. Pengatur pekerjaan, Y. A. M. T. Laksamana dan D. Penghulu Sulaiman.
4. Penyimpan wang, Yang Berhormat Mulia T. Zakaria.
5. Pendaftar masuk dan keluar, Che' Muhammad Said.
6. Pemereksa kira2 wang, O. H. Grobe Pegawai Daerah K. Pilah.
7. Pembeli barang2, Y. A. M. T. Alang Mahmud dan Dato' Penglima Sutan Hasan.
8. Pendaftar jempotan, Penglima Garang Idris.
9. Pengalu2 A. D. C. kapada Yang Maha Mulia.

#### **Aturan istiadat:**

Bahwa sa-nya ada-lah istiadat bagi angkatan Penghulu2 mengadap dan perkara yang bersabit dengan-nya di-aturkan dan di-tentukan peredaran masa-nya di-bawah ini:—

(Peraturan ini di-patutkan dengan sederhana) ada-nya.

1. Hari Khamis 19 Zulhijjah 1341 bersamaan dengan 2 hari-bulan August, 1923;
  - (a) Pukul 10 pagi berhimpun Orang Besar Empat — Pegawai Yang Enam — Apit Lempang — Orang Besar Lingkongan — dan Pegawai Sembilan Puloh Sembilan di-dalam Istana mengambil dan memegang jabatan masing2 kerana memasang angkatan dan alat jamu Yang Maha Mulia.
  - (b) Pukul 2 petang di-bunyikan alamt 16 puchok meriam di-Bukit Gitan Sinaran Indera alamt angkatan di-pasang. 2. Temasha di-padang besar bagi kanak2 Sekolah Seri Menanti, Gunong Pasir dan Kampong Tengah.
  - (c) Pukul 4.30 petang, permainan sepak raga bagi putera2, Seri Menanti, Kampong Juara, Merual dan Kampong Tengah.

- (d) Pukul 8.30 malam, Jamuan putera dan Undang di-Balai

### Persinggahan

Jamuan puteri2 di-rumah Enche' Rahah

Jamuan Lembaga2 di-Telapakkan Undang masing2.

Jamuan orang ramai di-Balai Panjang.

## 2. Hari Jumaat 20 Zulhijjah bersamaan 3 August.

- (a) Pukul 9 pagi hingga 9.15 pagi temasha kanak2 di-padang besar.
- (b) Pukul 11.20 pagi duli Yang Maha Mulia berangkat bersiram di-Pancha Persada Tanjong Beringin dengan perarakan Raja di-Raja serta di-pasang 16 puchok meriam dengan menerima dan melalui sambutan kawalan kehormatan tentera Melayu (M. V. I).
- (c) Pukul 12.30 jamuan kepada putera2 dan Tuan2 serta mem2 di-Istana Besar.
- (d) Pukul 4.15 petang permainan sepak raga Gunong Pasir, Ulu Pilah dan Guru2.
- (e) Pukul 5.15 petang duli Yang Maha Mulia mengurniai hadiah kepada yang beroleh kemenangan dalam permainan.

## 3. Hari Sabtu 21 Zulhijjah 1341.

- (a) Pukul 9 pagi sakelian putera2 dan orang besar2 berhimpun di-Istana kerana bersedia menyambut kesampaian Tuan Yang Terutama High Commissioner Negeri2 Melayu yang bersekutu.

- (b) Pukul 10.30 pagi, Tuan Yang Terutama High Commissioner patut sampai (tetapi oleh kerana pekerjaan yang msutahak bagi-nya) tiada-lah ia dapat hadir, jadi-nya Yang Berhormat Tuan E. S. Hose pemangku Chief Secretary Negeri2 Melayu yang bersekutu sampai dalam waktu yang di-tentukan itu ka-istana, lalu menerima dan mereksa pasokkan kehormatan tentera Melayu di-pintu gerbang.

Kemudian Tuan Yang Berhormat itu dengan motor car kenaikan-nya mengambil jalan sebelah kiri datang terus ka-istana di-sonsong dan di-sambut oleh Yang Amat Mulia Tengku Lakamana Abu Bakar (A. D. C.) naik ka-istna, A. D. C. mempersilakan Yang Maha Mulia di-mahligai lalu berangkat ka-anjong istana berjumpa dengan Tuan Yang Berhormat dan dif2 yang hadir.

- (c) Pukul 10.40 pagi segala Dato' (Undang Tanah Mengandung) Penghulu Inas, Gemenchih, Ayer Kuning, dan segala Lembaga2 berhimpun di-Balai Penghadapan.
- (d) Pukul 11 pagi duli Yang Maha Mulia di-iringkan oleh Tuan Yang Berhormat Chief Seceretary, Pegawai2 Kerajaan, Putera2, Puteri2, dan Orang2 Besar berangkat ka-Balairong Seri lan-song memereksa sambutan kawalan kehormatan.
- (e) Pukul 11-30 pagi duli Yang Maha Mulia bersemayam di-Singgahsana, Y. A. M. T. Besar timbalan sebelah kanan, Y. A. M. T. Laksamana timbalan sebelah kiri.

Bentara Dalam berdiri sama tengah Balai-rong Seri sambil berseru memanggil Penghulu2 yang mengadap menjunjung duli demikian bunyi-nya:—

“Hai Dato’ Setia Maharaja Lela Pahlawan Orang Kaya Luak Ulu Muar, titah memanggil damping-lah mengadap menjunjong duli” Dato’ Muar bertelot menjunjong duli,

#### Gelaran Dato’2 yang mengadap:-

- |  |                                 |
|--|---------------------------------|
| 1. Dato’ Setia Maharaja Lela Pahlawan. | — Orang Kaya Luak Ulu Muar.     |
| 2. Dato’ Lela Putera Sitiawan.         | — Orang Kaya Luak Jempol.       |
| 3. Dato’ Anjah Pahlawan.               | — Orang Kaya Luak Terachi.      |
| 4. Dato’ Sitiawan.                     | — Orang Kaya Luak Gunong Pasir. |
| 5. Dato’ Sitiawan.                     | — Orang Kaya Luak Inas.         |
| 6. Dato’ Sitiawan.                     | — Orang Kaya Luak Gemencheh.    |
| 7. Dato’ Sitiawan.                     | — Orang Kaya Ayer Kuning.       |
| 8. Pemangku Dato’ Muda                 | — Orang Kaya Luak Linggi.       |

#### Lembaga2 yang mengadap:-

- |                             |                              |
|-----------------------------|------------------------------|
| 1. Dato’ Baginda Maharaja.  | — Serampu Lembaga Luak Muar. |
| 2. Dato’ Paduka Besar       | — Lembaga Empat Luak Muar.   |
| 3. Dato’ Seri Maharaja.     | — Lembaga Empat Luak Muar.   |
| 4. Dato’ Seri Nara Muda.    | — Lembaga Empat Luak Muar.   |
| 5. Dato’ Orang Kaya Bongsu. | — Lembaga Empat Luak Muar.   |

#### Lembaga Luak Jempol:—

1. Dato’ Lela Raja
2. Dato’ Seri Amar Menteri.
1. Dato’ Raja di-Muda
2. Dato’ Menti Maharaja.
1. Dato’ Paduka Seri Maharaja.
2. Dato’ Setia Lela.

Demikian-lah perturan adat dan istiadat Penghulu2 mengadap yang di-jalankan tiap2 tiga tahun sekali itu, meski pun sedikit2 perubahan2 ada berlaku dengan istiadat yang di-jalankan sekarang ini tetapi soal pokok istiadat itu tidak-lah berubah, yang berubah ha-nya susunan dan peraturan-nya sahaja dari kurang kemas kepada yang lebih kemas dan teratur lagi.

Istiadat Penghulu2 mengadap pada tahun 1961 ini akan di-jalankan serentak dengan istiadat pertabalan duli Yang Maha Mulia Tuanku Munawir yang akan di-lansongkan pada 17 April 1961 ini.





**Y. A. Mulia T. Munawirah puteri  
sulong D.Y.M.Mulia.**



Alat Kebesaran Raja Negeri Sembilan yang telah di-bawa oleh Raja Melewar dari Pagar Ruyong Minangkabau pada tahun 1773. "Alat Kebesaran", ini berupa sa-helai rambut yang dilengkarkan memenohi dalam sa-buah batil.

Pada masa ini "Alat Kebesaran", yang tersebut di-simpan dengan baik-nya di-bilek peraduan D.Y.M.M. di-tingkat atas sekali di-Istana Besar Seri Menanti, batil ini di-letakkan didalam sa-buah peti kayu yang di-balut dengan kain kuning dan terletak di-atas sa-buah almari pada masa ini.

Tidak sembarangan orang yang berani membuka peti ini ha-nya Dato' Seri Amar di-Raja Sujud sahaja sa-orang yang boleh membuka-nya itu pun sa-telah di-adakan serapahan dan di-lakukan pula dengan penuh khidmat dan tertib serta menjunjung duli beberapa kali dan di-sini-lah di-katakan tersimpan-nya "Daulat Raja", itu.

# SALAH CHETAK.

MUKA SURAT	BARIS	SALAH	BETOL
1	19	di-tuliskan orang2, ra'rat	di-tuliskan oleh orang2, ra'ayat
5	2	Menananti	Menanti
5	27	selaian	selain
5	28	melaui	melalui
7	15	kterangan	keterangan
9	5	menyemnda-lah	menyemenda-lah
9	6	suka	suku
11	35	mangodap	mengadap
12	20	mengurniakan	mengurniakan
16	29	Dtao'	Dato'
17	9	hama	nama
19	29	duli Maha Mulie	Duli Yang Maha Mulia
19	35	benar-nya belaka-kah	benar-nya saudara belaka-kah
20	10	thu	tahu
20	14	kemudaian	kamudian
20	15	sebilan	sembilan
21	28	kapeda Orong	kapada Orang
21	31	iateri	isteri
25	21	dalama	dalam
26	16	sebab	Sebab
26	34	Naing	Naning
29	12	puetra	putra
31	8	berumpr	berumor
32	salasilah	T. Ulin	T. Alin
32	27	mennati	menanti
34	9	Mennati	Menanti
36	17	Ibn	Ibni
44	16	kerjaan	kerajaan
44	22	Mohhamad	Muhammad
46	18	tabdir	tadbir
46	22	Superntendent	Superintendent
51	6	beleh	boleh
51	13	gaku--yang	tinggalkan sahaja
57	8	Johal	Johol
57	22	berialan-lah	berjalan-lah
65	1	Muammad	Muhammad
65	12	bersamman	bersamaan
65	23	Muahammad	Muhammad
70	27	mengubtai-nya	mengubati-nya
70	27	nbatan2	ubatan2
70	35	Yang Maha oleh	Yang Maha Mulia oleh
70	36	kut	kuat
76	17	heribulan	haribulan
81	10	bergelombng	bergelombang
82	18	mengitiharakan	mengistiharkan

<b>MUKA SURAT</b>	<b>BARIS</b>	<b>SALAH</b>	<b>BETOL</b>
84	1	menadang	memandang
85	20	pemeangku	pemangku
85	26	Bagitu	Baginda
85	29	di-ishtiharakan	di-ishtiharkan
86	24	pda	pada
91	27	menurunkan	menurunkan
91	27	Dtao'	Dato'
100	31	linggi	Linggi
103	19	Undang yang pada	Undang yang Empat pada
109	29	Yang Mulia	Yang Maha Mulia
110	19	Pahawan	Pahlawan
115	3	msutahak	mustahak
115	24	seceretary	secritary
116	26	perturan	peratoran
116	26	istiada	istiadat
120	1	mehanti	menanti
122	24	Undong	Undang